

30 APR 2004

Ekspedisi-Antartika

WANITA MALAYSIA PERTAMA BAKAL JELAJAH ANTARTIKA SECARA SOLO

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Wanita Malaysia pertama yang bakal menjelajah benua Antartika secara solo, Datin Paduka Sharifah Mazlin Syed Kadir hari ini pulang ke tanah air selepas menjalani latihan persediaan selama sebulan di Norway.

Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur disambut oleh Datuk Zakaria Abdul Wahab yang merupakan bekas Setiausaha Akhbar kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Peniagawati Hazimah Zainuddin yang juga seorang usahawan yang menggerakkan ekspedisi itu.

Sharifah Mazlin yang tiba dari Amsterdam juga telah menjalani latihan ski dan perkhemahan musim sejuk di Montreal, Quebec dan Toronto di Canada.

Beliau dijangka memulakan ekspedisi dua bulan itu pada November ini.

Sebelum itu, beliau akan menjalani latihan persediaan dalam negara seperti mendaki Gunung Kinabalu di Sabah dan membiasakan diri hidup dalam suasana sejuk di Snow House, Genting Highlands.

Pensyarah psikologi Universiti Teknologi MARA itu juga akan menjalani latihan intensif di Punto Arenas, Chile selama sebulan.

Sharifah yang juga anggota Peniagawati berharap orang ramai terutama badan-badan korporat dapat menaja sebahagian daripada kos ekspedisi itu yang masih belum mencukupi.

-- BERNAMA

SHM KHY RS